

# AIPA aktif memperkukuh Komuniti ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**REPUBLIK INDONESIA,** Rabu, 19 Julai. - Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Caucus Ke-9 telah diadakan di Jakarta, Indonesia bermula pada 17 hingga 20 Julai 2017.

Mesyuarat AIPA Caucus telah dihadiri oleh 10 buah negara Ahli AIPA dan organisasi jemputan dari ASEAN Secretariat, GIZ-ASEAN Secretariat serta USAID.

AIPA Caucus adalah sebuah komiti di bawah naungan Pertubuhan AIPA. Komiti ini berfungsi sebagai 'Monitoring Committee' dalam pelaksanaan resolusi-resolusi yang telah dibincangkan dan diluluskan di setiap Perhimpunan Agung AIPA yang diadakan pada setiap tahun.

Mesyuarat AIPA Caucus Ke-9 pada tahun ini telah membincangkan dan melaporkan status implementasi resolusi-resolusi yang telah diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-37 yang diadakan pada tahun lepas (2016) di Nay Pyi Taw, Myanmar; iaitu sebanyak 11 buah resolusi telah diluluskan di bawah Jawatankuasa Politik, Ekonomi, Sosial dan WAIPA

(Women ASEAN Parliamentary Assembly).

Di samping itu, Republik Indonesia selaku negara Penganjur pada The 9th AIPA Caucus telah menyetujui tiga buah perkara untuk seterusnya dapat dibincangkan, iaitu perkara (1) Regional Maritime Cooperation, (2) Peaceful Resolution to Conflicts dan (3) Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES).

Sebagai kesimpulan Mesyuarat AIPA Caucus yang diadakan bertepatan dengan penubuhan AIPA yang telah berusia 40 tahun.

AIPA telah begitu aktif dalam menyuarakan suara-suara rakyat dan telah membantu pihak eksekutif di peringkat ASEAN dan memperkukuh komuniti ASEAN khususnya dengan menggalakkan kerjasama bersama negara-negara ASEAN. Kesefahaman undang-undang di peringkat ASEAN dan AIPA (common legislation) akan melahirkan kesan positif ke arah lebih efektif dan kondusif.

Mesyuarat ini telah diakhiri



AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, selaku ketua rombongan (dua, kiri) dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis (kiri) semasa mewakili negara pada Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Caucus Ke-9 yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia bermula pada 17 hingga 20 Julai 2017.

dengan menandatangani sebuah Joint Communique oleh ketua-ketua perwakilan dari negara Ahli AIPA.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, selaku ketua rombongan dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

## Hari Terbuka Pengayaan Politeknik Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 Julai. - Sebagai sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan bagi Pengambilan Baharu Ke-7, Pusat Perkembangan dan Inovasi Pelajar (CSDI), Politeknik Brunei telah menganjurkan Hari Terbuka Pengayaan di Politeknik Brunei, Kampus Ong Sum Ping.

Hari Pengayaan memberikan peluang kepada pelajar Pengambilan Ke-7 untuk mendaftar dengan Kelab dan Persatuan Pelajar yang sedia ada di institusi tersebut seperti Kadet Tentera, Bulan Sabit Merah, kelab bola sepak, kelab bola jaring, dan kelab sukarelawan.

Program dan aktiviti pengayaan atau ko-kurikulum ini dijangka dapat meluaskan pengalaman pembelajaran pelajar di Politeknik Brunei dengan menambah nilai kepada pendidikan mereka melalui aktiviti-aktiviti dan program-program pengayaan. Pusat ini telah menetapkan tiga tugas utama yang mendasari peranan utama pusat tersebut.

Ini adalah membina kapasiti untuk mewujudkan dan membangunkan program dalam pembangunan kepimpinan dan kemahiran manusia yang akan membantu pelajar mengembangkan potensi kepimpinan mereka dan memupuk

keupayaan keusahawanan mereka. Memupuk visi untuk bekerjasama dan rangkaian dengan peserta industri utama bagi memudahkan penciptaan idea-idea baharu yang akan menggalakkan inovasi dan pembangunan kemahiran keusahawanan lanjut dan kemampanan ekonomi.

Dan memupuk inovasi untuk memulakan, membangunkan dan menguruskan program anugerah dan biasiswa yang mengiktiraf pencapaian, kreativiti dan inovasi dalam bidang keusahawanan, teknologi dan kepimpinan.

Pada hari terbuka tersebut, kelab dan persatuan juga memamerkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pelajar baharu termasuk tarian tradisional, gulintangan dan hadrah.



PUSAT Perkembangan dan Inovasi Pelajar (CSDI), Politeknik Brunei semasa menganjurkan Hari Terbuka Pengayaan di Politeknik Brunei, Kampus Ong Sum Ping.

## 21 terima sijil Bengkel Penyuntingan Buku



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta bengkel.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Julai. - Seramai 21 peserta Bengkel Penyuntingan Buku menerima sijil penghargaan pada majlis penutup yang berlangsung di Bilik Banquet, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada fasilitator dan peserta bengkel ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Bengkel yang dijalankan selama tiga hari bermula pada 18 Julai hingga 20 Julai itu dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada pegawai atau pelajar dari UNISSA, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Muzium, Pusat Da'wah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

UNISSA telah mengundang seorang pakar dalam bidang penyuntingan dari Malaysia, iaitu Pengarah IIUM Press, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Dr. Roosfa Hashim sebagai fasilitator bengkel berkenaan.

Bengkel Penyuntingan Buku adalah sebahagian usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai kerja-kerja penilaian awal penyuntingan, peranan penyunting dan penghasilan kerja penyuntingan.

la juga untuk melatih dan membimbing para peserta mengenai penghasilan suntingan buku, selain untuk memberi pendedahan mengenai kaedah menyunting yang mencapai piawaian antarabangsa dalam kalangan ahli akademik UNISSA dan para peserta lain.